

08/05/1997

Malaysia, Singapura perlu sentiasa sensitif

KUALA LUMPUR, Rabu - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berkata, Malaysia dan Singapura perlu sentiasa sensitif dengan perasaan masing-masing dalam semua perkara.

Seri Paduka berkata, hubungan kerjasama antara kedua-dua negara yang dipupuk sejak bertahun-tahun itu, menghasilkan banyak faedah bersama.

"Bagaimanapun, sebagai jiran kita perlu sentiasa peka dengan realiti yang menentukan hubungan kita," kata Tuanku Ja'afar selepas menerima watikah daripada Pesuruhjaya Tinggi Singapura yang baru ke Malaysia, Kesavapany Krishnasamy di Istana Negara, hari ini.

Tuanku Ja'afar menekankan bahawa yang paling penting dalam hubungan seperti itu ialah sikap sensitif terhadap perasaan masing-masing dalam semua perkara.

"Kita berpendapat bahawa beberapa fakta sejarah yang berkemungkinan menggugat hubungan kita, perlu diketepikan dalam usaha kita bekerjasama untuk faedah bersama," katanya.

Pelantikan Kesavapany dibuat ketika suasana murung dalam hubungan diplomatik antara kedua-dua negara berikutan kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew kononnya Johor negeri "yang terkenal dengan rompakan, tembak-menembak dan curi kereta". Beliau menggantikan Low Choon Ming.

Lee kemudian meminta maaf dan memadamkan perkataan itu yang dibuatnya dalam afidavit mahkamah berhubung kes saman terhadap ahli pembangkang republik itu, Tang Liang Hong.

Kerajaan Malaysia memaafkan Lee dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu temu ramah dengan majalah Asiaweek terbaru berkata, bahawa hubungan antara kedua-dua negara kembali seperti biasa.

Tuanku Ja'afar berkata, kedua-dua negara bukan sahaja dekat dari segi geografi, tetapi juga berkongsi sejarah yang sama dan rakyat masing-masing mewarisi tradisi yang sama dan juga hubungan kekeluargaan.

Katanya, kejiranan kedua-dua negara menawarkan peluang kerjasama yang berfaedah dan ia dapat dihasilkan jika pemimpin kedua-dua negara mengambil iktibar dari masa silam dan mengelakkan perselisihan masa depan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Kesavapany berkata kerajaan dan rakyat Singapura amat menghargai hubungan dua hala kedua-dua negara kerana Malaysia dan Singapura berhubung erat melalui tradisi budaya yang sama dan kedudukan dekat dari segi geografi.

(END)